



## Agama Adalah Nasihat

Daripada Abu Raqaiyyah Tamim Bin Aus Ad-Dari ra bahawa Nabi saw telah bersabda : Agama itu adalah Nasihat. Kami bertanya : Untuk siapa ? Sabda Nabi saw : Untuk Allah, Kitab-KitabNya, para RasulNya, para pemerintah orang Islam dan orang awam mereka. ( HR Muslim )

---

### Huraian

Maksud nasihat ialah suatu kehendak kepada kebaikan terhadap orang yang diberi nasihat.

### Nasihat Untuk Allah

Maksudnya ialah dengan kita beriman kepadaNya dan menafikan sekutu bagiNya. Menyifatkan Allah dengan segala yang sempurna dan mulia serta mensucikanNya dari segala kekurangan dan tercela.

Ikhlas dalam beribadah, menunaikan ketaatan kepadaNya serta menjauhi laranganNya. Cinta dan benci sesuatu keranaNya jua.

### Nasihat Untuk Kitab Allah

Maksudnya dengan membaca, menghafal, memerdukan suara, memperhatikan isi kandungannya, mengajar isi Al-Quran kepada orang lain, memahami Al-Quran serta beramal dengannya.

### Nasihat Untuk RasulNya

Iaitu membenarkan risalah yang dibawa oleh baginda SAW dan beriman dengan kesemua yang datang bersamanya iaitu Al-Quran. Kecintaan kepada Rasul juga bermakna cinta kepada Allah swt.

### Nasihat untuk pemimpin umat Islam

Iaitu kesukaan kita terhadap kebaikan mereka, petunjuk dan keadilan mereka bukannya mengasihi mereka kerana keperibadian mereka.

Juga bermakna membantu mereka menegakkan yang hak dan mentaati mereka serta memperingat dan menegur kesilapan mereka dengan penuh hikmah dan kesabaran.

### Nasihat untuk orang-orang awam

Iaitu membimbing mereka demi kebaikan di dunia dan akhirat. Kaum muslimin mestilah sentiasa mengambil berat terhadap umat Islam yang lain.

Masyarakat Islam hendaklah melindungi kehormatan orang lain, menutup aib, menolak kemudharatan, mengajak kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, mengasihi kanak-kanak dan menghormati orang tua dan seumpamanya.

Disesuaikan dari kitab : Syarah Hadith 40 Susunan Khalil Ibrahim Mulla Khothir. Cetakan Pertama 2000